

TEKS UCAPAN
Y.BHG. BRIG. JEN. DATO`PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA
PERDANA SIRI IV
PADA 15 JULAI 2010

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis

Yang Berhormat Dato' Yazid B. Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

Yang Berhormat Dato' Azizan B. Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis

Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis

Yang Berbahagia Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Prof Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-wakil media, Pihak-Pihak Penaja, Pengerusi-Pengerusi JKKK Kampung Angkat UniMAP,

Para mahasiswa UniMAP serta hadirin yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Salam 1Malaysia

Selamat Petang, Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Perasmian Program Baktasiswa Perdana Siri IV yang akan bermula 16 Julai hingga 18 Julai 2010.

Saya mewakili warga UniMAP ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir dalam program malam ini.

Sesungguhnya, kehadiran Dato' Seri dan semua tetamu pada malam ini amat besar ertinya buat UniMAP dan kami memandang tinggi komitmen yang diberikan kerana sentiasa menyokong apa jua program yang dianjurkan UniMAP.

Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan buat ahli jawatankuasa dan kakitangan yang terlibat dalam program ini baik secara langsung mahupun tidak langsung sekaligus memastikan kejayaan Program Baktasiswa Perdana Siri IV 2010 ini. Syabas dan tahniah dari saya.

Harapan saya, agar penganjuran program seumpama ini akan merapatkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan warga UniMAP amnya dan rakyat negeri Perlis khasnya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian

Program Baktasiswa Perdana ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan UniMAP dan tahun ini merupakan siri ke 4 penganjurannya yang mana penganjuran untuk kali pertama dimulakan pada tahun 2007 yang lalu. Program ini merupakan salah satu program wajib yang terkandung dalam Kursus 7 Pillars i. Untuk pengetahuan para hadirin, kursus 7 Pillars i ini merupakan kursus wajib tanpa kredit yang perlu disertai oleh semua pelajar UniMAP sebelum bergraduasi.

Kursus ini bertujuan untuk menyeimbangkan kebijaksanaan mereka untuk berfikir dan mengawal emosi supaya lebih terbina sahsiah rupa diri mereka dalam berhadapan dengan era globalisasi.

Untuk makluman anda semua juga, Program ini berjaya memecah rekod sebanyak tiga kali berturut-turut untuk disenaraikan dalam Malaysia Book of Records bagi kategori “The Largest Foster Family” yang mana pada tahun lalu program ini mendapat penyertaan seramai 2,000 mahasiswa UniMAP dengan 1,500 keluarga angkat di 75 buah kampung dalam 15 Dewan Undangan Negeri di seluruh Perlis.

Dan usaha ini diteruskan lagi pada tahun ini pula dengan penglibatan seramai 1,500 mahasiswa, melibatkan 36 kampung di sekitar Perlis. Program ini dilihat telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat di negeri Perlis dan saya yakin ia akan dijadikan sebagai program tahunan UniMAP dan negeri Perlis dalam merealisasikan hasrat membentuk sebuah masyarakat bersifat Glokal.

Selain itu, lebih manis lagi seramai 48 orang pelajar antarabangsa UniMAP yang terdiri daripada pelbagai negara seperti China, Uzbekistan dan lain-lain lagi turut serta mengikuti program ini. Ini merupakan penglibatan pertama para pelajar antarabangsa secara langsung dalam Baktasiswa Perdana ini. Dan saya pasti program ini bakal memberikan

satu kenangan yang terindah buat para pelajar antarabangsa ini disamping dapat mendalami budaya hidup masyarakat di Perlis.

Saya amat berharap kepada setiap keluarga angkat yang terlibat, dapat memberikan sebanyak mungkin tunjuk ajar serta didikan buat para pelajar ini yang sememangnya masih tidak mengenali budaya masyarakat kita. Malaysia amat terkenal dengan pelbagai keunikan dari segi makanan, permainan serta pakaian, justeru itu baiklah kiranya dapat dikongsikan bersama-sama mereka.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Penganjuran program ini juga merupakan antara usaha dan inisiatif UniMAP dalam membentuk minda kelas pertama di kalangan masyarakat kampung dan sebagai salah satu tanggungjawab sosial untuk membantu kerajaan Negeri. Seperti tahun-tahun sebelumnya pelbagai pengisihan telah dimuatkan sepanjang tiga hari bersama keluarga angkat contohnya bergotong-royong membersihkan kawasan kampung, kelas bimbingan Sains dan Matematik yang bertujuan memupuk minat pelajar sekolah terhadap dua subjek utama ini, permainan rakyat, aktiviti bersama keluarga angkat seperti membajak sawah, menangkap ikan serta pelbagai lagi.

Saya juga ingin menyeru kepada para pelajar sekalian agar menggunakan panggilan “Mak” atau “Ayah” kerana melalui panggilan sebegini kita akan lebih mesra dan erat. Jangan menjadikan perbezaan kaum atau darjat sebagai halangan sebaliknya gunakan kesempatan ini untuk menarik minat adik-adik angkat anda untuk menanam minat mereka terhadap pendidikan, sekaligus dapat melahirkan lebih ramai golongan yang berintelektual serta berpendidikan tinggi di negeri Perlis selaras dengan kehendak kerajaan untuk menjadikan Perlis sebagai negeri Ilmu.

Suka saya selitkan di sini sebagai mahasiswa, setiap pelajar mestilah menganggap penganjuran program ini bukan sekadar membuang masa sebaliknya saya amat berharap agar anda semua menjadikan pengalaman untuk menyertai program seumpama ini sebagai peluang yang mungkin tidak dapat diperolehi di masa akan datang sekali gus terus bersemangat menjadi lebih baik dari sehari ke sehari.

Saya yakin dan percaya, program yang kita anjurkan ini dapat memupuk perpaduan antara kaum sekaligus menyemarakkan lagi konsep 1 Malaysia di kalangan mahasiswa UniMAP kerana semua mahasiswa yang terlibat dalam program ini terdiri dari pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India.

Mereka ini akan tinggal bersama keluarga angkat selama 3 hari 2 malam dan sepanjang program ini, saya berharap para

mahasiswa terutamanya dari luar Perlis dapat mempelajari tentang gaya hidup masyarakat di Perlis serta mendalami budaya dan tradisi masyarakat Perlis yang tinggi dengan adat dan susilanya selain memupuk semangat patriotisme yang tinggi.

Inilah masanya untuk memupuk semangat kerja berpasukan dan bekerja dengan masyarakat; menimba pengalaman kehidupan bersama masyarakat kampung; melatih kemahiran berkomunikasi; dan menyebarkan maklumat kepada keluarga angkat serta masyarakat kampung, khususnya mengenai program-program yang ditawarkan oleh UniMAP bagi memupuk minat adik-adik kita di sekolah rendah dan menengah untuk lebih mencintai dan memilih bidang kejuruteraan dan sains kelak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Menteri Besar Perlis, YAB Datuk Seri Dr. Mad Isa Sabu kerana sudi hadir melancarkan majlis pada malam ini. Harapan saya, agar penganjuran program kemasyarakatan oleh UniMAP ini akan memberikan manfaat besar kepada seluruh masyarakat di negeri Perlis.

**Burung Berkicau Dichelah Dahan,
Kicauan Merdu Penuh Berirama,
Baktasiswa Perdana Pengerat Hubungan,
Membentuk Mahasiswa Kelas Pertama,**

**Pergi Belayar Ke Pulau Cendana,
Hendak Mencari Ilmu Panduan,
Ukhwah Terjalin Sahsiah Terbina,
Memupuk Budaya Tingkatkan Perpaduan**

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.